

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-18
Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar Al-Amsyari kali ke-102

Jadi ilmu kalam itu termasuk dalam jumlah usaha yang wajib secara fardhu kifayah untuk menjaga hati orang awam daripada pengkhayalan ahli bid'ah. Yang demikian itu terjadi dengan terjadinya bid'ah, sebagaimana datangnya keperluan manusia menyewa pengawal dalam perjalanan haji dengan (kerana) adanya kezaliman dan perompakan di perjalanan yang dilakukan oleh orang Arab. Seandainya orang Arab itu sudah meninggalkan permusuhan, maka tidaklah menyewa pengawal itu menjadi syarat dalam perjalanan haji.

Maka kerana itulah seandainya tukang bid'ah itu sudah meninggalkan perkataan yang sia-sia, maka tidak perlu lagi menambah daripada apa yang ada pada masa sahabat Nabi r.a.

Maka ahli ilmu kalam hendaklah mengetahui akan batasnya dalam agama. Dan kedudukan ilmu kalam dalam agama seperti kedudukan pengawal dalam perjalanan haji. Apabila pengawal itu tidak melakukan pengawalan, nescaya dia tidak termasuk dalam kalangan orang haji.

Dan ahli ilmu kalam apabila tidak melakukan tugasnya untuk berdebat dan mempertahankan pendirian, tidak menjalani jalan akhirat dan tidak bekerja mendidik dan memperbaiki hati, maka tidaklah sekali-kali dia tergolong dalam jumlah ulama/ilmuwan agama.

Adapun mengenal Allah Ta'ala, sifat dan af'alNya serta sekalian yang telah kami isyaratkan dalam ilmu mukasyafah, maka tidaklah diperolehi dari ilmu kalam. Malah hampirilah ilmu kalam itu menjadi hijab dan penghadang.

Dan tidaklah terkemuka mereka (para sahabat) dengan ilmu kalam dan fiqh, tetapi dengan ilmu akhirat dan jalan menuju kepadanya. Tidaklah Abu Bakar melebihi manusia lain lantaran banyak puasa, solat, banyak meriwayatkan hadith, fatwa dan kata-kata. Tetapi kelebihanannya adalah kerana sesuatu yang mulia di dalam dadanya, sebagaimana diakui oleh Nabi saw sendiri. Dan hendaklah engkau berusaha mencari rahsia itu.

Rasulullah saw telah kembali (meninggal dunia) dengan meninggalkan beribu-ribu orang sahabat r.a. Tidak seorang dari mereka yang tahu dengan baik tentang ilmu kalam. Dan tidak menegakkan dirinya menjadi juru fatwa, kecuali beberapa belas orang sahaja. Antaranya ialah Ibnu Umar r.a.

Ketika Umar r.a. meninggal dunia, berkatalah Ibnu Mas'ud : "Telah matilah 9/10 ilmu."

Lalu orang bertanya kepadanya : "Mengapakah engkau berkata begitu, padahal antara kita masih banyak sahabat?"

Ibnu Mas'ud menjawab : "Aku tidak maksudkan ilmu fatwa dan hukum. Sesungguhnya aku maksudkan ilmu tentang Allah Ta'ala."

Adakah anda berpendapat bahawa maksud Ibnu Mas'ud itu ialah ilmu kalam dan ilmu berdebat?

Dan Umarlah yang menutup pintu ilmu kalam dan pertengkaran dengan memukul Shabigh bin 'Isl dengan cemeti, tatkala (Shabigh) mengajukan suatu pertanyaan kepadanya tentang pertentangan dua ayat dalam Kitabullah (Al-Quran), dan memboikotnya serta menyuruh orang ramai memboikotnya juga.

NABI ZULKIFLI ITU GAUTAMA BUDDHA?

“Dan Ismail, Idris dan Zulkifli. Mereka termasuk orang yang sabar.” (Al-Anbiya' : 85)

“Dan ingatlah Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli. Semuanya orang baik.”
(Sad : 48)

Nama “Zulkifli” ada persamaan bunyi dengan “Kapilavastu”, iaitu nama tempat kelahiran Buddha.

Dikatakan Gautama Buddha ada diisyaratkan oleh Al-Quran pada Surah At-Tiin. **“Demi Tiin dan Zaituun. Dan Tursina (Bukit Sinai). Dan demi negeri yang aman ini (iaitu Makkah).”** (At-Tiin : 1-3)

Gautama Buddha juga dikatakan meramalkan kedatangan Maitryea iaitu Nabi Muhammad.

Dikatakan sebahagian orang bahawa Nabi Zulkifli ialah anak kepada Nabi Ayyub. Nama sebenarnya ialah Basyar bin Ayyub. Dia menyahut cabaran seorang raja dan berjaya, lalu dia dilantik oleh raja itu sebagai penggantinya. Putera Siddharta pula pada asalnya ialah anak seorang raja, tetapi kemudiannya keluar berkelana dan menjadi seorang sami dan tidak memerintah.

Ezekiel dipercayai lahir sekitar 622-623 SM. Tahun kematiannya tidak diketahui. Buddha pula dipercayai lahir sekitar 563 SM.

Berdasarkan sumber-sumber Yahudi dan Kristian, secara ringkasnya Ezekiel bin Busi hidup di Palestin dan kemudiannya dibuang negeri ke Babylon. Dia berasal dari keluarga para imam Yahudi. Kebanyakan orang di sekelilingnya memandangnya sebagai seorang yang kurang waras.

INTIPATI KULIAH KALI INI

Adakah ilmu kalam pada zaman Nabi?

Tidak ada.

Mengapakah ilmu kalam wujud selepas itu?

Kerana timbulnya bid'ah dalam agama khususnya tentang keTuhanan.

Seandainya bid'ah-bid'ah itu tidak ada seperti pada zaman Nabi, apa terjadi kepada ilmu kalam?

Tidak diperlukan.

Jika tidak ada ilmu kalam, bagaimana hendak mengenal Allah Ta'ala, sifat dan af'al-Nya?

Melalui ilmu mukasyafah. Semua itu tidak boleh dikenal melalui ilmu kalam. Bahkan silap-silap ilmu kalam akan jadi pendindingnya pula.

Adakah para sahabat terkenal kerana ilmu kalam dan ilmu fiqh?

Tidak. Mereka terkenal kerana ilmu jalan ke akhirat.

Adakah Nabi Zulkifli dan Gautama Buddha itu orang yang sama?

Setakat maklumat yang ada, nampaknya mereka dua individu yang berlainan.

IMBAS KEMBALI KULIAH TERDAHULU

Siapakah ahli-ahli falsafah?

Orang-orang yang menghujahkan kebenaran dengan jalan logik.

Apakah bidang-bidang ilmu falsafah?

1. Ilmu matematik
2. Ilmu mantiq
3. Ilmu keTuhanan
4. Ilmu alam (ilmu tabi'i)
5. Ilmu politik
6. Ilmu akhlak

Ada berapa golongan ahli falsafah?

1. Golongan Dahriyyun
2. Golongan Tabi'iyun
3. Golongan Ilahiyyun

Apa pegangan golongan Dahriyyun?

Mereka tidak percaya kewujudan Tuhan.
Alam ini dipercayai jadi dengan sendirinya.

Bolehkah alam terjadi dengan sendirinya?

Mustahil, kerana setiap sesuatu ada yang menjadikannya. Lebih-lebih lagi, mustahil yang tidak berakal dapat mencipta sesuatu yang berakal.

Apa pegangan golongan Tabi'iyun?

Mereka percaya kewujudan Tuhan.
Tidak percaya hari kebangkitan, dosa pahala dan syurga neraka.

Dari segi akal, antara percaya hari akhirat dengan tidak percaya, manakah yang lebih untung?

Percaya, kerana jika rugi pun hanya rugi 70-80 tahun sahaja.

Apakah pegangan ahli-ahli falsafah golongan Ilahiyyun yang membawa kepada kekufuran?

1. Selepas mati, yang dibangkitkan hanyalah ruh, tanpa jasad.
2. Tuhan tidak mengetahui segala perkara.
3. Alam ini qadim, sama dengan Tuhan.

Bolehkah kita minum arak dengan tujuan untuk meningkatkan tumpuan pada ibadah ataupun sebagai ubat? Apakah hukumnya?

Tidak boleh. Haram!

Adakah dengan mengimani bahawa Tuhan itu satu, seseorang itu dikira beragama Islam?

Tidak. Ada orang Yahudi dan Kristian Unitarian yang percaya Tuhan itu satu, tetapi mereka tetap tidak digolongkan dalam golongan Muslim.

